

**W**anita memainkan peranan penting dalam pembangunan di Malaysia secara amnya, dan Sarawak khasnya melalui pelibatan sebagai pemimpin dan pembuat keputusan. Malaysia telah berjaya melepasi sasaran 30% wanita dalam peringkat membuat keputusan. Sehingga tahun 2023, didapati 38.9% daripada pembuat keputusan dalam sektor awam ialah wanita. Mengikut data Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), sehingga 1 Julai 2024 sekitar 31.4% ahli lembaga pengarah telah diwakili oleh wanita dalam senarai 100 syarikat awam teratas di negara. Walaupun Malaysia telah melepasi sasaran 30% wanita sebagai pembuat keputusan, kajian mendapati negeri Sarawak masih belum mencapai sasaran tersebut.

Kajian oleh Nadrawina dan Sebli-Seidelson (2017); dan UKM Pakarunding (2021) mendapati bahawa peratusan wanita yang menjadi pemimpin dan berada pada peringkat membuat keputusan dan pelaksanaan dasar di Sarawak masih lagi rendah. Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato' Sri Fatimah Abdullah mengakui satu daripada perkara yang menjadi isu dan pertempuran dasar wanita dalam dunia moden ini ialah kekurangan wanita dalam membuat keputusan terhadap kedudukan (jawatan) tertinggi. Daripada lembaga korporat kepada mahkamah dan kepimpinan politik di seluruh dunia termasuk Sarawak, kekurangan wanita dalam jawatan kanan terus menghalang kemajuan dalam isu jurang gaji, bantuan kemanusiaan dan diskriminasi dalam semua bentuk.

Istilah kepimpinan didefinisikan dengan

## Kepimpinan Wanita di Sarawak



Madeline Berma



pelbagai maksud oleh pengkaji kepimpinan bergantung pada tumpuan penyelidikan masing-masing. Satu daripada sumbangan yang paling menarik kepada teori kepimpinan telah dikembangkan oleh Daniel Goleman (2002). Menurut Goleman, terdapat enam jenis kepimpinan, iaitu bersifat (1) gabungan, (2) mengarah (3) wawasan, (4) demokratik, (5) penentu rentak dan (6) membimbing. Northouse (2009) pula menyenaraikan lima dimensi yang biasa digunakan dalam mentakrif kepimpinan, iaitu (1) ciri peribadi, (2) keupayaan, (3) kemahiran atau kompetensi, (4) tingkah laku, dan (5) perhubungan antara pemimpin dengan pengikutnya.

Secara umumnya, pengkaji mendefinisikan kepimpinan sebagai keupayaan untuk mempengaruhi orang lain bagi mencapai matlamat bersama. Pemimpin pula merujuk individu yang berupaya mempengaruhi kumpulan manusia bekerja secara bersama untuk merealisasikan matlamat yang dihajati.

Kajian kepimpinan menunjukkan bahawa wanita cenderung mempamerkan gaya kepimpinan transformasi seperti yang berikut:

- (a) **Pemimpin berperanan sebagai suri teladan** kepada pengikut atau orang bawahannya. Pemimpin wanita menjadi inspirasi kepada pasukannya dan mengambil

**Kepimpinan  
wanita di Sarawak  
merangkumi pelbagai  
bidang, termasuklah  
politik, masyarakat  
dan pertubuhan bukan  
kerajaan (NGO).**

banyak waktu untuk melatih ahli pasukan serta sangat memberikan perhatian kepada pembangunan peribadi ahli pasukannya.

(b) **Fokus kepada tugas:** Pemimpin wanita selalu fokus kepada penyelesaian tugas yang diberikan tarikh akhir. Dari sudut operasi, menyelesaikan tugas sehari-hari adalah perlu untuk memastikan kelancaran operasi organisasi.

(c) **Lebih gemar bekerja dalam suasana kolaboratif:** Ketua wanita secara umumnya lebih gemar mengetuai pasukan dan struktur kepimpinannya agak seimbang yang membolehkan mereka bekerja dalam suasana kerjasama dan secara saling bergantung. Organisasi yang strukturnya seimbang dapat memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan ahli. Ketua wanita tidak begitu mengambil berat tentang

kedudukan berhierarki dalam struktur organisasi.

(d) **Mempromosikan semangat kerjasama:** Ciri kepimpinan wanita adalah dengan bekerjasama dengan orang lain. Ketua wanita kerap mengetengahkan semangat kerjasama antara ahlinya. Dalam hal ini, ahli perlu jelas akan peranan dan tanggungjawab mereka agar urusan kerja tidak bertindan.

**Situasi Kepimpinan  
Wanita di Negeri Sarawak**

Kepimpinan wanita di Sarawak merangkumi pelbagai bidang, termasuklah politik, masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Dalam setiap bidang ini, wanita memainkan peranan yang penting walaupun berdepan dengan cabaran tertentu, terutamanya dalam mengatasi stereotaip dan ketidakseimbangan gender yang masih wujud.

(a) **Kepimpinan Politik** – Lompang gender yang luas kelihatan jelas dalam bidang politik di Sarawak. Sehingga tahun 2020, hanya tujuh daripada 82 kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak diduduki oleh wanita; manakala pada peringkat Parlimen Malaysia, hanya lima daripada 31 kerusi bagi Sarawak diduduki oleh wanita. Pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang lalu, seramai 10 orang calon wanita menawarkan diri untuk menjadi ahli Parlimen. Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak menyaksikan jumlah calon wanita melonjak kepada 45 orang pada tahun 2021 berbanding dengan 22

orang pada PRN lalu. Di sebalik peningkatan ini, kebanyakan keterlibatan golongan wanita dalam aktiviti politik terhad kepada aktiviti berkempen dan mengundi melalui sayap wanita pada peringkat akar umbi.

(b) **Kepimpinan Masyarakat** – Maklumat dari pejabat Residen Sarawak menunjukkan bahawa pada tahun 2018, hanya dua orang wanita memegang jawatan Temenggung, iaitu di bahagian Miri dan Sarikei. Bagi keseluruhan negeri Sarawak, hanya empat orang pamanca dan sembilan orang penghulu ialah wanita. Pada peringkat ketua kaum pula, 49 orang ketua kampung, 182 tuai rumah dan 37 orang kapitan ialah wanita. Pada tahun 2020, bilangan wanita menjadi ketua kaum dan ketua kampung telah meningkat kepada 423 orang berbanding dengan tahun 2018 (Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak, 2023).

(c) **Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)** – Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak (KWPK) menggalakkan wanita terlibat dalam pertubuhan bukan kerajaan bagi mengasah kepimpinan dan menyumbang dalam aktiviti kemasyarakatan. Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) berusaha membangunkan

kaum wanita menerusi penglibatan terus dalam pertubuhan bukan kerajaan kerana mereka ialah saluran serta jentera pelaksana program wanita yang bergerak secara sukarela. Pada tahun 2021, sebanyak 4,676 pertubuhan bukan kerajaan berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Sarawak (JPPM) di Sarawak. Majlis Pembangunan Sosial juga menjelaskan bahawa daripada jumlah tersebut, sebanyak 92 pertubuhan ialah pertubuhan wanita yang masing-masing menjuarai bidang khusus seperti keusahawanan, kebajikan, keagamaan, kebudayaan dan lain-lain. Keahlian setiap pertubuhan juga berbeza fokus dan jumlahnya; demikian juga dengan tahap keaktifan masing-masing. Antara faktor utama yang menyumbang kepada keaktifan pertubuhan wanita ini termasuklah kerana kewibawaan pemimpin tertinggi serta ahli jawatankuasa selain sumber kewangan dan jaringan yang baik.

Kesungguhan kerajaan negeri Sarawak dalam meletakkan wanita pada kedudukan kepimpinan dan pembuatan keputusan patutlah dipuji. Pada masa ini, terdapat sejumlah wanita yang telah berjaya membuka jalan dan menjadi contoh kepada wanita lain. Buku bertajuk *Sarawak Women in Politics* (MKWS, 2014) merekodkan kisah dan kejayaan wanita Sarawak

dalam bidang politik. Nama seperti Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Fatimah Abdullah dan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri adalah antara yang paling dikenali.

Dato' Sri Hajah Fatimah Abdullah muncul dalam arena politik Sarawak pada tahun 2001 apabila dilantik menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dalat (N50) setelah memenangi Pilihan Raya Negeri. Beliau merupakan wanita pertama menjadi ADUN di negeri Sarawak. Kerjaya politik beliau bermula pada tahun 2011 dan kini menjawat jawatan sebagai Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak Sarawak (KWKPK).

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri ialah ahli Parlimen Santubong (P193) setelah memenangi kerusi tersebut dalam pilihan raya pada tahun 2022. Minat beliau yang mendalam dalam bidang pembangunan wanita membuatkan beliau dipilih menerajui dua pertubuhan bukan kerajaan di Sarawak, iaitu

Sarawak Federation of Women's Institute (SFWI) dan Secretariat of Advocacy and Empowerment of Muslim Women (SENADA). Kini, Dato' Sri Nancy menjawat jawatan sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Selain politik, tokoh wanita Sarawak dalam bidang kesukarelawanan pula direkodkan dalam buku *Sarawak Women in Volunteerism: Caring Hearts, Touching Lives* (MKWS, 2014). Antara wanita yang ditampilkan dalam buku ini termasuklah Tan Sri Empiang Jabu, Hajah Bibi McPherson dan Dato' Ir Alice Jawan Empaling.

Tan Sri Empiang Jabu mula melibatkan diri dalam aktiviti





kesukarelawan sejak tahun 1980-an dengan beliau mengetuai Associations of Sarawak Ministers and Assistant Ministers' Wives (SABATI), Serakup Indu Dayak Sarawak (SIDS), The Iban Women Charitable Trust, Dayak Cultural Foundation dan Sarawak Mental Health Association. Tan Sri Empiang juga banyak memperjuangkan aktiviti kesukarelawan berkaitan dengan promosi kesihatan, pendidikan, budaya, alam sekitar dan kesejahteraan sosioekonomi.

Hajah Bibi McPherson telah menceburkan diri dalam bidang kesukarelawan sejak tahun 1960-an lagi melalui Sarawak Federation of Women's Institute (SWFI) dan Barisan Rakyat Jati Sarawak (Parti BARJASA). Tokoh ternama ini bergiat aktif dalam persatuan sambil membesarkan 11 orang anak. Meskipun pada tahun 1960-an soal pengangkutan memberikan kesukaran,

namun Hajah Bibi sanggup menumpang trak askar untuk sampai ke lokasi aktiviti demi mendidik wanita dalam bidang masakan dan jahitan. Keceklan dan kegigihan wanita ini wajar dijadikan contoh teladan buat pemimpin wanita pada masa kini dan akan datang di Sarawak khususnya, dan di Malaysia secara amnya.

Pada masa kini pula, antara nama yang aktif dalam aktiviti kesukarelawan termasuklah Dato' Ir Alice Jawan. Beliau giat menjalankan aktiviti kesukarelawan berkaitan dengan pembangunan sosioekonomi bagi wanita dan belia Iban melalui Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS), Sibü serta juga organisasi Methodist dan MAKSAK Wanita, Sibü. Dato' Ir Alice mengetuai persatuannya dalam menjalankan banyak program menyantuni masyarakat ke rumah panjang dan

bertemu dengan wanita dan belia di pedalaman.

Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa peranan wanita dalam pembangunan negeri Sarawak adalah sangat penting dari segi sumbangan mereka sebagai pemimpin dan tenaga kerja. Kerajaan Sarawak komited mewujudkan persekitaran untuk wanita meningkatkan potensi diri terutama dalam aspek kepimpinan dalam setiap lapisan masyarakat. Kerajaan negeri Sarawak juga mahu memberikan peluang yang sama kepada wanita supaya mereka dapat membangunkan serta meningkatkan bakat dan potensi yang ada demi pembangunan keluarga, masyarakat, negeri dan negara. <sup>EXO</sup>

**Dato' Dr. Madeline Berma ialah Fellow Akademi Sains Malaysia. Beliau juga Fellow Kehormat Institut Masa Depan Malaysia (MASA).**